

24/04/2000

Melaka bantu pemaaju hartanah

MELAKA, Ahad - Kerajaan negeri akan membantu beberapa pemaaju hartanah yang mempunyai sumber kewangan kukuh untuk menggerakkan projek yang dirancang, termasuk industri perumahan dan pembinaan.

Ketua Menteri, Datuk Wira Mohd Ali Rustam berkata, pihaknya mengenal pasti beberapa syarikat pemaaju itu dan bantuan yang akan diberi seperti mempercepatkan kelulusan pelan bangunan serta tidak mengenakan syarat tambahan.

Menurutnya, tindakan itu memastikan syarikat dapat melaksanakan beberapa projek perumahan dan pembinaan lain yang diperlukan penduduk tempatan.

Beliau berkata, jika syarikat memiliki sumber kewangan kukuh, mereka tidak perlu bimbang untuk menceburi bidang hartanah, khususnya projek perumahan.

"Kerajaan negeri akan membuktikan industri hartanah masih boleh dilakukan pemaaju lain tanpa terlalu bergantung kepada Persatuan Pemaaju Perumahan (HDA) cawangan Melaka," katanya selepas merasmikan mesyuarat agung berkelompok cawangan Gerakan Belia 4B Melaka di Seri Bendahara di sini, pagi ini.

Turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Keluarga, Belia dan Sukan Negeri, Ramlah Abas.

Beliau berkata demikian mengulas cadangan HDA Melaka supaya kerajaan negeri menurunkan kuota Bumiputera daripada 60 peratus kepada 30 peratus manakala kuota bukan Bumiputera dinaikkan daripada 40 peratus kepada 70 peratus.

HDA mendakwa cadangan itu dibuat kerana pembeli bukan Bumiputera lebih cenderung membeli rumah berbanding Bumiputera.

Keadaan itu menyebabkan mereka menghadapi masalah menjual kuota Bumiputera, sehingga terpaksa menanggung kerugian.

Menurut Mohd Ali, cadangan HDA itu 'tidak rasional' kerana persatuan itu mahu ia dilaksanakan serentak dan bukan berperingkat.

"Kerajaan negeri berpendapat cadangan ini kurang adil, khususnya kepada pembeli Melayu kerana mereka terpaksa bersaing dengan pembeli bukan Melayu untuk memiliki rumah," katanya.

Mengenai kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mahu pemaaju hartanah membuktikan mereka mampu menjual rumah atau bangunan yang dibina sebelum projek mereka diluluskan, Mohd Ali berkata, semua pihak perlu menerima pandangan berkenaan.

Ketua Menteri berkata, kenyataan itu bertujuan mengelak pelbagai masalah seperti banyak unit tidak dapat dijual selain pemaaju menanggung beban hutang.

"Apabila sesuatu perjanjian dibuat, pemaaju sepatutnya tidak boleh membuat sebarang rayuan jika mereka gagal menyiapkan sesuatu projek mengikut jadual atau tidak mempunyai pembeli.

(END)